

PERANAN WANITA DALAM WAKAF: KEPERLUAN DARI SUDUT MAQASID SYARIAH

THE ROLE OF WOMEN IN WAQF: AN ANALYSIS FROM MAQASID SHARIAH PERSPECTIVE

Mek Wok Mahmud ¹
Nor Amni Bazilah Mohd Zain ²

¹ Pensyarah, Jabatan Fiqh & Usul Fiqh, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Malaysia, (E-mail: mekwok@iium.edu.my)

² Pelajar Sarjana, Jabatan Fiqh & Usul Fiqh, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Malaysia. (E-mail: amni.bazilah@live.iium.edu.my)

Accepted date: 19-01-2019

Published date: 01-07-2019

To cite this document: Mahmud, M. W., & Mohd Zain, N. A. (2019). (2019). Peranan Wanita Dalam Wakaf: Keperluan Dari Sudut Maqasid Syariah. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 2(3), 12 - 30.

Abstrak: Secara umumnya, wakaf merupakan satu instrumen penting yang dapat menyelesaikan masalah ekonomi dalam sesebuah negara. Tujuan utama wakaf ialah untuk memberi manfaat kepada ekonomi dan masyarakat. Sejarah wakaf bermula sejak zaman Nabi Muhammad S.A.W. dan berkembang berterusan sehingga ke hari ini. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji sumbangan wanita dalam wakaf dari sudut sejarah dan kontemporari serta melihat sejauh mana kepentingan sumbangan wanita dalam wakaf dan bagaimana hubungkait dengan maqasid syariah. Sejarah telah membuktikan pelbagai jenis sumbangan wanita sebagai pengasas, penerima dan pengurus harta wakaf. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah penyelidikan perpustakaan yang mengkaji tentang bukti sumbangan wanita dari sudut sejarah dan kontemporari, serta menganalisis sumbangan wanita terhadap wakaf dari sudut pandang maqasid syariah. Hasil kajian menunjukkan analisis kepentingan wanita terlibat dalam wakaf dari sudut perspektif maqasid syariah.

Kata kunci: Wakaf, Wanita, Sumbangan, Masyarakat, Maqasid Syariah

Abstract: In general, waqf is an important instrument which can solve the economic problem of a country. The ultimate goal of waqf is to benefit the economy and society. The history of waqf started since the time of Prophet Muhammad S.A.W. and has been continuously developed until today. This paper aims to investigate women's contribution in waqf in the past and at present and to look at the importance and significance of women specifically in this field and how does it relates to the maqasid of the shariah. History has shown evidence of significant contributions of women in waqf as founders, beneficiaries and mutawallis or trustees. The methodology that has been applied in this research is library research, seeking evidence of women's contribution in waqf in the past and at present and to analyse the contribution of

women from maqasid shariah viewpoint. The expected result is to analyse the importance of women participation in waqf from the maqasid shariah perspective.

Keywords: Waqf, Women, Contribution, Society, Maqasid Shariah

Pengenalan

Islam merupakan agama yang syumul dan merupakan sebuah tamadun yang unik. Islam mengajar umatnya untuk mengamalkan konsep bantu-membantu antara satu sama lain dalam segala amal kebaikan dan kebajikan dan sentiasa membuka peluang untuk membantu anggota masyarakat melalui amalan zakat, sedekah, dan wakaf.

Wakaf telah diperkenalkan sejak zaman Nabi Muhammad S.A.W. dan ia merupakan satu ibadat yang disyariatkan demi menjaga kepentingan masyarakat Islam. Ia juga merupakan instrumen penting untuk memakmurkan masyarakat tanpa mengira kaum, keturunan dan agama. Oleh itu, umat Islam sangat digalakkan untuk melakukan ibadat wakaf agar tercapai maqasid syariah yang lima yang tergolong dalam perkara *dharuriyyah* demi mencapai kesejahteraan dan keharmonian hidup individu dan masyarakat. Allah S.W.T. telah berfirman yang bermaksud:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ

“Wahai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu”. (Q.S. Al-Baqarah: 267)

Kefahaman terhadap wakaf sebagai amalan “untuk mati” perlu diubah kepada amalan “untuk hidup” (Tan Sri Muhammad Ali Hashim, 2012). Hal ini kerana wakaf berfungsi sebagai salah satu mekanisma yang dapat memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan sosio ekonomi di sesebuah negara. Dengan pemerkasaan institusi wakaf dalam sesebuah negara, ia dapat membina satu ketamadunan yang tinggi dan mengembalikan sejarah kegemilangan Islam seperti yang berlaku semasa pemerintahan Kerajaan Turki Uthmaniyyah di Turki. Perkembangan institusi wakaf memerlukan idea dan pengurusan yang sistematik agar ia dapat memberi impak positif kepada masyarakat dan negara.

Wanita pada hari ini berpotensi memainkan peranan yang besar untuk perkembangan kemajuan sesebuah negara. Hal ini demikian kerana mereka telah melibatkan diri dalam pelbagai lapangan kerjaya dan sehingga kini, penglibatan mereka tidak dapat dinafikan oleh mana-mana pihak yang akhirnya menyumbang kepada prestasi positif negara. Justeru itu, kaum wanita juga berpotensi sebagai agen perubahan masyarakat yang telah banyak memberi sumbangan kepada pembentukan ummah dan pembangunan negara gemilang.

Definisi Wakaf

Istilah wakaf tidak dinyatakan secara langsung di dalam Al-Quran mahupun As-Sunnah. Ia berkaitan dengan ijtihad para fuqaha’ yang memberi tafsiran “sedekah jariah” sebagai amalan yang dilakukan semasa hidupnya di dunia dan penggunaannya kekal selama-lamanya. Oleh itu, menjadi satu keperluan untuk wakaf dikembangkan agar manfaatnya dapat dinikmati bersama.

Wakaf berasal daripada perkataan Bahasa Arab: waqafa (وقف). Secara terminologinya ia bermaksud mencegah (المنع) dan menahan (الحبس) menahan, memegang atau larangan. (Munzir Kahf, 2006). Kata jama' bagi waqf iaitu awqaf (أوقاف) atau wuquf (وقوف).

Dari sudut istilah syarak, terdapat perbezaan pandangan antara fuqaha' tentang pengertian wakaf. Beberapa takrif dipilih berdasarkan pendapat Dr.Wahbah Zuhaili di dalam kitabnya "*al-Wisoya wal Waqf fil Fiqh Islami*". Takrif yang pertama telah dikemukakan oleh Imam Abu Hanifah:

حبس العين على حكم ملك الواقف، والتصدق بالمنفعة على جهة الخير

Wakaf ialah menahan fizikal ('*ayn*) harta ke atas hukum pemilikan pewakaf dan menyedekahkan manfaatnya kepada jalan kebajikan. Hal ini memungkinkan pewakaf untuk memiliki dan menjual kembali harta yang telah diwakafkannya kerana bagi Abu Hanifah, wakaf ini dianggap sebagai akad harus seperti pinjaman.

Takrif yang kedua pula iaitu takrif Jumhur, termasuklah Imam Abu Yusuf dan Imam Muhammad Bin Al-Hassan Al-Syaibani dari mazhab Hanafi, serta Syafi'iyah dan Hanabilah:

حبس مال يمكن الانتفاع به مع بقاء عينه بقطع التصرف في رقبته من الواقف وغيره على تقربا إلى الله مصرف مباح موجود أو بصرف ريعه على جهة بر وخير

Wakaf ialah menahan harta yang boleh diambil manfaat daripadanya dengan dikekalkan fizikal ('*ayn*) harta itu dengan memutuskan hak transaksi pewakaf ke atasnya dan hasilnya digunakan untuk tujuan kebaikan serta untuk mendekatkan diri kepada Allah. Ini bermaksud harta wakaf itu telah ditahan daripada menjadi pemilikan mana-mana pihak. Ia tidak lagi menjadi milik pewakaf, tetapi disandarkan pemilikannya kepada Allah SWT dan hasilnya diagihkan kepada jalan kebaikan.

Takrif yang ketiga dari kalangan Malikiyyah:

إعطاء منفعة شيء مدة وجوده لازما بقاءه في ملك معطيه ولو تقديرًا

Maksudnya menyedekahkan manfaat sesuatu harta selama mana harta itu wujud dan kekal pemilikan harta tersebut kepada pewakaf secara *taqdiri*. Berdasarkan hadis ini, pewakaf masih memiliki hak pemilikan ke atas harta tersebut, tetapi dia tidak memiliki hak untuk melakukan apa-apa transaksi ke atasnya. Hal ini merujuk kepada hadis Umar mafhumnya: "Tahanlah asal harta tersebut dan sedekahkan hasilnya". Ini bermakna pewakaf hanya menahan diri untuk melakukan transaksi terhadap harta yang telah diwakafkan, sedangkan pemilikan tetap berada di tangan pewakaf untuk tempoh masa tertentu.

Daripada keseluruhan takrif di atas, dapatlah disimpulkan bahawa takrif wakaf ialah menahan sesuatu harta ('*ayn*) yang boleh diambil manfaat darinya serta hasilnya disalurkan untuk tujuan kebaikan dan kebajikan. Ia juga merupakan salah satu wasilah untuk mendekatkan diri kepada Allah. Orang yang telah mewakafkan harta telah terhalang untuk melakukan apa-apa transaksi ke atas harta yang telah diwakafkan dan ia perlu diserahkan kepada pihak tertentu untuk menguruskannya secara efektif agar ia dapat memberi manfaat kepada seluruh umat manusia.

Dalil Pensyariatan Wakaf

Secara umumnya, tidak ada sebarang dalil-dalil khusus yang menunjukkan secara spesifik berhubung wakaf. Dari sudut sejarah, ia telah bermula sejak zaman Nabi Muhammad S.A.W. Dalil-dalil yang berkaitan dengan pensyariatan amalan wakaf dalam Islam ialah:

Dalil Al-Quran

Al-Quran tidak menyebut secara jelas tentang pensyariatan wakaf. Beberapa ayat al-Quran memerintahkan manusia untuk berbuat baik bagi kepentingan masyarakat. Firman Allah dalam ayat berikut:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

“Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa saja yang kamu nafkahkan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya” (Q.S. Ali Imran: 92).

Nafkah berasal dari perkataan infaq. *Infaq fi sabilillah* adalah sebahagian amalan kebajikan yang mendapat keredhaan Allah. Ia bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada masyarakat, bahkan dapat mendidik jiwa seseorang agar menjadi insan yang bersifat pemurah, mengikis sifat bakhil dan mementingkan diri sendiri serta bertimbang rasa terhadap masyarakat di sekelilingnya. Ia menjadikan hartanya sebagai wasilah untuk mencapai keredhaan Allah.

Dalil As-Sunnah

عن ابن عمر رضي الله عنهما قال: أصاب عمر بخبير أرضا، فأتى النبي ﷺ فقال: أصبت أرضا، لم أصب مالا قط أنفس منه، فكيف تأمرني به؟ قال: ((إن شئت حبست أصلها وتصدقت بها)). فتصدق عمر: أنه لا يباع أصلها، ولا يوهب، ولا يورث، في الفقراء، والقربى، والرقاب، وفي سبيل الله، والضييف، وابن السبيل، لا جناح على من وليها أن يأكل منها بالمعروف، أو يطعم صديقا غير متمول فيه. (رواه بخاري، باب الوقف كيف يكتب؟، رقم 2772).

Hadis dari Abdullah Ibn Umar, katanya: Umar (bapaku) mendapat sebidang tanah di Khaibar, maka beliau mendatangi Rasulullah, dan berkata: “Saya mendapatkan sebidang tanah di Khaibar yang aku tidak hanya ingin mendapatkan hartanya semata, maka apa yang akan engkau perintahkan kepadaku dengan tanah itu? Jawab Rasulullah: Jika engkau mahu, pertahankan pokok harta tanah itu, dan bersedekahlah dari hasilnya.” Maka, Umar pun bersedekah dengan hasil sebidang tanah itu, beliau tidak menjual atau menghibahkan tanah tersebut, ataupun mewariskannya bahkan hasil itu, beliau salurkan kepada orang fakir miskin, kaum kerabat, memerdekakan hamba, *fi sabilillah*, *ibnu sabil*, dan beliau tidak melarang orang lain untuk mengambil dan memakannya, atau memberi makan kawannya asalkan bukan untuk kepentingan diri (H.R. Bukhari, No.2772).

عن أبي هريرة أن رسول الله ﷺ قال: إذا مات الإنسان انقطع عمله إلا من ثلاثة: صدقة جارية، أو علم ينتفع به أو ولد صالح يدعو له (رواه مسلم، كتاب الوصية، باب ما يلحق الإنسان من الثواب بعد وفاته، رقم 1631)

Hadis dari Abu Hurairah, Rasulullah bersabda: "Jika anak keturunan Adam wafat, maka terputuslah seluruh amalannya, kecuali tiga perkara: Sedekah jariyah, ilmu yang bermanfaat, dan anak soleh yang mendoakannya (H.R. Muslim, No.1631).

Bentuk Wakaf

Terdapat dua jenis wakaf yang menjadi amalan kebiasaan iaitu **wakaf am** dan **wakaf khas**. **Wakaf am**, yang juga dinamakan *wakaf khairi* adalah wakaf yang bertujuan untuk kegunaan umum seperti masjid, sekolah (Munzir Kahf, 2006). Pewakaf tidak mengkhususkan tujuan penggunaan harta tersebut ketika pewakafan. Ia juga bertujuan untuk keagamaan dan pembangunan ekonomi umat Islam (Husni Hasbullah, Zaidi Daud, Taqiuddin Mohamad, 2015). Contohnya, seseorang individu mewakafkan tanah untuk umat Islam secara umum untuk tujuan kebaikan dan kebajikan. Amalan wakaf ini tidak disertakan apa-apa syarat terhadap tanah yg telah diwakafkan.

Wakaf khas, dikhususkan manfaatnya kepada individu tertentu atas tujuan tertentu. Dalam wakaf ini, seseorang pewakaf akan menetapkan dari awal lagi kepada siapakah wakafnya dibuat atau untuk tujuan manakah wakafnya mesti diaplikasikan (Asmak Ab Rahman, 2006). Contoh wakaf yang dibuat atas tujuan tertentu ialah, pewakaf yang mewakafkan tanah untuk dijadikan tanah perkuburan atau masjid. Wakaf khas dikenali juga sebagai *wakaf ahli* atau *wakaf zurri* (Munzir Kahf, 2006). Ia merujuk kepada wakaf golongan tertentu yang mempunyai hubungan kekeluargaan atau golongan lain di mana pemberi wakaf mempunyai kepentingan, seperti jiran atau yang seumpama dengannya (Mohamad Akram Laldin, Mek Wok Mahmud, Mohd.Fuad Sawari, 2012)

Daripada kedua-dua jenis wakaf ini didapati wakaf am lebih fleksibel kerana tidak terikat dengan sesuatu yang membolehkan harta dan aset wakaf digunakan dan diuruskan tanpa batasan selagi mana tidak melanggar prinsip asas syariah. (Muhamad Husni Hasbullah, Mohd Zaidi Daud & Mohammad Taqiuddin Mohamad, 2015). Wakaf am juga sesuai untuk dipraktikkan kerana ia membolehkan pihak atau institusi yang bertanggungjawab dapat menguruskannya mengikut keadaan semasa dan keperluan masyarakat setempat yang sentiasa berubah mengikut peredaran waktu.

Peranan dan Sumbangan Wanita Islam Dalam Wakaf

Pengertian Wanita

‘Wanita’ dikenali sebagai seorang perempuan, puteri, isteri dan ibu yang telah diciptakan oleh Allah SWT bersama perwatakan lemah-lembut, berkulit halus, lembut sendinya yang mana berbeza dengan bentuk dan susunan tubuh orang lelaki (Mohd Roslan Mohd Noor, Nang Naemah Nik Dahalan, 2014). Personalitinya yang tersendiri yang sangat berbeza dengan kudrat lelaki tidak mengurangkan sedikit pun nilai yang ada pada diri mereka. Malah di dalam Islam, wanita dan lelaki mempunyai kedudukan dan posisi yang tersendiri agar mereka dapat sama-sama menyumbang ke arah pembentukan sesebuah negara yang harmoni dan aman damai.

Wanita dari sudut dimensi kewajibannya dan peranannya bermaksud tugas yang mesti dilakukan oleh wanita atau tanggungjawab yang harus dipikul olehnya dalam menjalani kehidupan di muka bumi ini. Apabila tugas asasi seseorang wanita itu tidak dapat dilaksanakan dengan baik, negara akan menjadi kucar-kacir dan mundur kerana keruntuhan sesebuah negara berkait rapat dengan kelonggaran wanita memainkan peranan dan tanggungjawab mereka (Mek Wok Mahmud, 2018). Antara kewajipan dan peranan wanita dalam kehidupan seharian ialah kewajipan mereka sebagai anak, isteri, dan ibu bahkan mereka juga memainkan peranan yang besar dalam masyarakat seperti dalam bidang ekonomi, pekerjaan dan politik. Justeru itu,

peranan dan sumbangan wanita kepada negara ini sangat penting bagi membentuk generasi dan masyarakat yang harmoni, sejahtera dan hidup dalam keadaan aman dan damai.

Jika dilihat sejarah wanita Islam sejak zaman Nabi Muhammad S.A.W. mereka telah melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan sekaligus menyumbang bakti kepada pembangunan sesebuah negara (Haji Faisal Othman, 1989). Kaum wanita telah dikurniakan kebijaksanaan melalui sumbangan mereka dalam kecemerlangan ilmu. Sebaliknya jika keengganan anggota masyarakat bagi memberi peluang kepada kaum wanita berlaku, maka ini akan menyebabkan sesebuah negara berada dalam keadaan mundur (Mohd Roslan Mohd Noor, Nang Naemah Nik Dahalan, 2014). Ironinya, masih terdapat segolongan ahli agamawan yang menimbulkan andaian bahawa wanita menurut Islam hanya terhad kepada tiga sifat: iaitu sebagai anak perempuan (*bintun*), sebagai isteri (*zawjatun*) dan sebagai ibu (*ummun*). Secara konklusinya, peranan dan sumbangan wanita pada hari ini telah melangkaui tiga sifat itu dalam erti kata lain tidak lagi terhad kepada tugas asasi sahaja bahkan sumbangan mereka juga amat diperlukan dalam kemajuan sesebuah negara dan pembentukan masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

Peranan Wanita Islam Dalam Wakaf

Kebanyakan negara Islam telah memberi hak kebebasan kepada wanita Islam. Hak ini telah memberi peluang kepada mereka untuk melibatkan diri dan menyumbang bakti kepada negara khususnya dalam institusi wakaf tanpa mengambil kira sumbangan itu bermanfaat untuk kaum lelaki atau wanita. Peranan kaum wanita dalam institusi wakaf tidak hanya terbatas sebagai pengasas wakaf sahaja, bahkan wanita juga berperanan sebagai pengurus harta wakaf (*nazir*) serta sebagai penerima manfaat wakaf.

Dalam sejarah Islam, *Mutawalli* pertama yang dilantik ialah Saidatina Hafsa Bintu Umar bin al-Khattab. Umar telah menulis wasiat kepada anaknya untuk menguruskan harta wakaf setelah kewafatannya. Kata-katanya di dalam wasiatnya (Lais Sa'ud Jasim, 2003):

" هذا ما أوصى به عبد الله عمر أمير المؤمنين إن حدث به حدث الموت، أن تمغا، وصرمة ابن الأكوع (بستانان من بساتين عمر) والعبد الذي فيه، والمائة سهم الذي بخير ورقيقه الذي فيه، والمائة (أي سهم) التي أطعمه محمد ﷺ بالوادي، تليه حفصة ما عاشت، ثم توليه ذا الرأي من أهلها أن لا يباع ولا يشتري ينفقه حيث يرى، من السائل والمحروم وذو القربى، ولا حرج عليه، إن أكل أو أكل (أي أشرك معه آخرين في الأكل) واشترى رقيقاً منه "

Maafhum dari wasiat di atas, jelaslah bahawa Umar telah melantik anaknya Hafsa untuk menguruskan kebun yang diwakafkannya selepas kematiannya. Hasilnya nanti akan diagihkan kepada fakir miskin, kaum kerabat, memerdekakan hamba, *fi sabilillah* dan *ibnu sabil*. Dengan pelantikan ini sekaligus memberi erti bahawa wanita juga memainkan peranan penting sebagai pengurus wakaf.

Sejarah Sumbangan Wanita Islam dalam Wakaf

Islam memberi wanita peluang untuk bekerja sebagaimana yang berlaku pada zaman Rasulullah S.A.W. di mana kaum wanita pada zaman itu telah melibatkan diri dalam pelbagai bidang. Sebagai contoh isteri Nabi S.A.W. Khadijah Bt Khuwailid yang dikenali sebagai usahawan wanita berjaya, al-Syifa yang pernah menjadi pentadbir kota atas arahan Khalifah Umar al-Khattab dan Qillat Ummi Bani Ammar sehingga digelar sebagai ahli perniagaan terkemuka (Mek Wok Mahmud, 2018). Hal ini membuktikan bahawa kaum wanita pada zaman

Rasulullah S.A.W. sangat aktif melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti yang dapat membangunkan ekonomi dan kemasyarakatan. Di dalam Kitab “*Al-Waqf Wa Dauruhu Fi Dakwah Ila Allah*” oleh Dr. Jasim Ahmad Abdullah, beliau menjelaskan beberapa sejarah sumbangan tokoh wanita Islam terhadap wakaf pada zaman Nabi Muhammad S.A.W. Sebagai contoh:

1. Wakaf Asma’ Binti Abu Bakar
Asma’ merupakan isteri Zubair bin Awwam, beliau mewakafkan rumahnya dan rumah itu tidak boleh dijual beli dan tidak boleh diwarisi.
2. Wakaf Ummu Habibah Binti Abu Sufian
Dari Abdullah Bin Basyar berkata, saya menyaksikan sedekah Ummu Habibah binti Abu Sufian (isteri Rasulullah) mewakafkan sebidang tanahnya yang luas untuk para pembantunya dan keturunan mereka dengan syarat tidak boleh dijual atau dihadiahkan atau diwariskan kepada sesiapa.
3. Wakaf Safiyyah Binti Huyai
Dari Manbat al-Mazni berkata: Aku bersaksi Safiyyah Binti Huyai telah mewakafkan rumahnya untuk Bani ‘Abdan, ia tidak boleh dijual beli dan tidak boleh diwarisi.

Wanita pada zaman dahulu juga memainkan peranan dalam pembangunan masyarakat khususnya dalam institusi wakaf pendidikan. Antara sumbangan wanita dalam perkembangan ilmu dan pendidikan ialah:

4. Zamrud Khotun, isteri Sultan Imaduddin Zanki telah memberikan wakaf untuk pendidikan. Dia membangunkan Madrasah al-Khatuniyah al-Baraniyah pada tahun 526 H. Kemudian Ishmatuddin Khotun, isteri Sultan Nuruddin Zanki juga telah melibatkan diri dalam perwakafan yang dapat memberi manfaat kepada seluruh manusia (Lais Sa’ud Jasim, 2003). Beliau membangunkan Madrasah al-Khatuniyah al-Jawaniyah pada tahun 628H. Aktiviti wakaf dalam sektor pendidikan ini menjadi tumpuan keluarga Ayyubiyah yang rata-rata mencintai ilmu dan ulama’ seperti Rabi’ah Khatun dan Khadijah Khatun (K.H Tholhah Hasan, 2013)
5. Fatima Binti Mohammad al-Fahri, yang berasal dari Andalusia, telah memainkan peranan besar dalam mengembangkan Masjid al-Qarawiyeen di Fez dan sekarang ia muncul sebagai sebuah universiti pertama dalam dunia Islam, yang dikenali sebagai Universiti Qarawiyyen, Morocco. Manakala kakaknya Mariam telah membina sebuah masjid lain di Fez. Ia berkembang menjadi salah satu universiti tertua di dunia Islam, bahkan dikatakan lebih tua daripada Universiti Oxford dan Cambridge. Semua dana yang digunakan berasal dari dana wakaf (Iman Mohammad al-Humaidan, 2007).

Konklusinya, peranan dan sumbangan kaum wanita Islam terhadap pembangunan institusi wakaf tidak dapat disangkal lagi. Hal ini kerana sejak zaman Nabi Muhammad S.A.W. lagi kaum wanita telah membuktikan bahawa mereka sangat aktif dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan pembangunan wakaf. Keterlibatan mereka dalam aktiviti sebegini menunjukkan bahawa wanita juga mampu memberi sumbangan kepada masyarakat terutama dalam institusi wakaf demi membangunkan ekonomi dan negara.

Pengurusan dan Perkembangan Wakaf Di Malaysia

Di dalam Islam, seseorang yang dilantik untuk mentadbir harta wakaf atau pemegang amanah dikenali sebagai “Mutawalli”. Mutawalli kebiasaannya terdiri daripada orang atau institusi yang mempunyai kemampuan dan kepakaran untuk menguruskan harta wakaf serta melaksanakan amanah yang dipikul berdasarkan hajat pewakaf. Oleh itu, harta wakaf hendaklah diurus dan ditadbir oleh pihak yang bertanggungjawab dengan menggunakan

kepakaran yang tinggi demi menjaga kemaslahatan harta wakaf agar manfaatnya dapat disalurkan kepada pihak yang berhak menerimanya.

Pengurusan Wakaf Di Malaysia

Dalam konteks di negara kita, agensi pemegang amanah yang ditugaskan untuk mentadbir harta wakaf adalah Majlis Agama dan Adat Istiadat Negeri. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) hendaklah menjadi nazir yang tunggal dalam segala harta wakaf, baik wakaf am mahupun wakaf khas (Nik Mustapha Nik Hassan, 1999). Selain itu, kerajaan persekutuan juga telah menubuhkan satu jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) untuk membantu menyelaraskan pengurusan institusi wakaf, zakat dan haji di Malaysia. Dengan penubuhan dua agensi ini, ia dapat membantu melancarkan pengurusan dan pentadbiran wakaf di Malaysia.

Peranan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)

Dari segi undang-undang di Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) telah dilantik sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua hartanah wakaf di Malaysia. Ini bermakna seluruh perkara yang berkaitan dengan hal ehwal wakaf sama ada wakaf khas atau am, hartanah, bangunan, wang saham wakaf dan sebagainya adalah di bawah pengurusan MAIN. Peruntukan ini adalah amat penting untuk memastikan penyelewengan pengurusan tidak berlaku dan operasi kawalan dijalankan serta pembangunan dapat berjalan dengan lancar dari semasa ke semasa (Mohd Afandi Mat Rani, Baharuddin Sayin, Ahmad Zaki Abdul Latiff).

Bagi melancarkan pengurusan wakaf di negeri masing-masing, pihak jawatankuasa MAIN telah menubuhkan beberapa bahagian dan unit wakaf di bawahnya yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan harta wakaf dan semua hal ehwal yang berkaitan dengannya. Secara perbandingan bahagian atau unit yang bertanggungjawab dalam pengurusan wakaf di setiap negeri adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 1: Perbandingan Bahagian/Unit Wakaf MAIN

Negeri	Bilangan Bahagian di Bawah Majlis	Bahagian / Unit Pengurusan Wakaf
Johor	3 Bahagian	Bahagian Wakaf
Perak	3 Bahagian	Unit Wakaf, Bahagian Hartanah & Pelaburan
Melaka	3 Bahagian	Unit Wakaf, Bahagian Wakaf & Sumber Am
Kelantan	3 Bahagian	Unit Pembangunan, Bahagian Baitulmal
Pahang	2 Bahagian	Unit Wakaf & Bahagian Baitulmal
Terengganu	2 Bahagian	Unit Wakaf, Bahagian Baitulmal
Pulau Pinang	6 Bahagian	Bahagian Wakaf

Sumber: Transformasi Wakaf Di Malaysia Isu dan Cabaran

Peranan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Di Malaysia, walaupun tugas pengurusan harta wakaf telah diberikan kepada MAIN sebagai pemegang amanah tunggal, namun realitinya terdapat beberapa titik kelemahan yang memerlukan kepada penambahbaikan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) yang diumumkan oleh Bekas Perdana Menteri YAB Dato' Seri Haji Abdullah Ahmad Badawi pada 27 Mac 2004 (Mohd Afandi Mat Rani, Baharuddin Sayin, Ahmad Zaki Abdul Latiff)

Objektif penubuhannya adalah untuk tujuan merancang, melaksana, memantau dan menyelaraskan pembangunan Institusi Wakaf, Zakat, Mal, Haji dan Umrah agar dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam pembangunan sosio-ekonomi ummah (Wan Mohammad Hafiz, Zulkifli Mohammad, 2014). Hal ini demi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan ke tahap yang lebih baik. Penubuhan JAWHAR bukan bermaksud untuk mengambil alih tugas dan peranan MAIN, akan tetapi ia bertujuan untuk menyelaraskan peranan dan melaksanakan pemantauan terhadap semua aktiviti yang dijalankan oleh pihak MAIN.

Antara peranan yang dimainkan oleh JAWHAR dalam memastikan pembangunan dan pengurusan wakaf berjalan dengan sistematik ialah (Wan Mohammad Hafiz, Zulkifli Mohammad, 2014):

a. Merancang

Pihak JAWHAR telah melaksanakan sebuah projek mega yang dinamakan Projek JAWHAR 2020. Projek mega ini adalah seiring dengan hasrat kerajaan yang ingin menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Oleh itu, pihak JAWHAR telah menyusun perancangan melalui 3 fasa, iaitu: Fasa 1: Pelan Strategik Lima Tahun JAWHAR, Fasa 2: Semakan dan Penambahbaikan Berterusan, Fasa 3: Semakan Projek JAWHAR. Melalui pelan ini, JAWHAR dapat bergerak dengan lebih tersusun dan sistematik.

b. Menyelaraskan

Antara tujuan lain penubuhannya adalah untuk menyelaraskan pengurusan dan pembangunan harta wakaf yang berbeza mengikut majlis agama Islam di negeri masing-masing. Oleh itu JAWHAR telah memulakan langkah penyelarasan dengan menerbitkan siri manual pengurusan wakaf, perundangan wakaf, perletakhakkan harta wakaf dan manual istibdal wakaf. Dengan adanya manual sebegini, ia membantu untuk menyeragamkan dan menyelaraskan segala proses yang berkaitan dengan harta wakaf.

c. Membangunkan

Selain itu, terdapat banyak projek pembangunan wakaf yang telah dilaksanakan oleh JAWHAR sama ada berbentuk fizikal atau bukan fizikal. Projek-projek yang dibangunkan ini menggambarkan hasil kejayaan yang telah dimainkan oleh JAWHAR. Program yang dimulakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dengan peruntukan yang diluluskan sebanyak RM256.5 juta kemudian disambung dengan dana daripada peruntukan Rancangan Malaysia Ke-10 sebanyak RM72.76 juta. Antara projek yang dilaksanakan oleh JAWHAR ialah Penyusunan Semula Masyarakat di Tanah Wakaf, Kg. Makam Georgetown, Pulau Pinang

d. Memantau

Peranan terakhir JAWHAR ialah melakukan pemantauan. Cara pemantauan dijalankan dengan mengadakan laporan perjalanan aktiviti dan kewangan. Laporan ini mestilah dihantar kepada JAWHAR setiap bulan. Contohnya hotel wakaf yang dibangunkan, laporan pengurusannya akan dihantar kepada pihak JAWHAR setiap bulan. Tujuan laporan tersebut dihantar kepada JAWHAR ialah untuk memastikan dana wakaf tersebut sentiasa berkembang iaitu mendapat keuntungan.

Perkembangan Wakaf Di Malaysia

Sejarah wakaf di Malaysia telah bermula sejak kedatangan Islam di Nusantara beratus tahun dahulu dan ia berkembang sehingga ke hari ini. Bukti perkembangan wakaf di Malaysia boleh dilihat melalui kewujudan institusi wakaf pendidikan dan wakaf tunai yang telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi wakaf seperti MAIN dan JAWHAR yang bertujuan untuk pembangunan masyarakat dan ekonomi umat Islam.

Perkembangan Wakaf Pendidikan

Institusi wakaf pendidikan terawal yang dijalankan di Tanah Melayu ialah institusi pengajian pondok yang kemudian disusuli oleh sistem pengajian madrasah. Ia telah diwakafkan oleh para ulama' yang kebanyakannya menamatkan pengajian agama di Mekah. Institusi wakaf pendidikan ketika itu menggunakan sistem pengajian aliran Arab (Hasyeilla Abd Mutalib, Rohayati Hussin, 2016). Pada awal abad ke-20 M, pengajian berbentuk Madrasah atau Sekolah Arab diwujudkan bagi menggantikan institusi pengajian pondok bagi menyesuaikan pendidikan Islam yang wujud di negara-negara Timur Tengah. Sistem madrasah yang lebih sistematik dan formal berbanding sistem pendidikan pondok telah lahir dari idea islah yg berasal dari Timur Tengah (Mohd Afandi, Baharuddin Sayin).

Apabila Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk membangunkan institusi wakaf dan menguruskannya selaras dengan aliran pendidikan perdana. Penyelarasan adalah bertujuan supaya pelajar sekolah institusi wakaf mendapat pengiktirafan yang setanding dengan pelajar aliran perdana (Hasyeilla Abd Mutalib, Rohayati Hussin, 2016).

Perkembangan wakaf akhir-akhir ini semakin berkembang apabila wakaf pendidikan tidak lagi semata-mata berkisar kepada penyediaan pusat pendidikan pondok, madrasah dan sumbangan buku atas nama sistem pendidikan tradisional malahan ia turut melibatkan institusi pengajian tinggi di Malaysia. Antara kesan pembangunan institusi wakaf pendidikan di negara kita ialah dengan kewujudan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan yang terbaru Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) (Najibah Mustaffa, Mohd Zamro, 2014). Dengan adanya universiti-universiti ini jelas membuktikan bahawa berlaku transformasi dalam dunia institusi pendidikan wakaf di Malaysia.

Perkembangan Wakaf Tunai

Wakaf tunai ialah salah satu medium wakaf yang menggunakan wang tunai yang dikumpul di dalam satu tabung amanah di bawah pengurusan nazir yang diamanahkan untuk mengurus wakaf ini bagi tujuan kebajikan dan manfaat ummah. Para ulama pada zaman dahulu telah menggunakan istilah wakaf ad-darahim atau wakaf ad-dananir iaitu wakaf menggunakan wang dirham atau dinar dalam kehidupan mereka. Menurut Dr. Murat Cizakca, mulai penghujung abad ke-15 hingga abad ke-18, wakaf tunai berkembang dengan pesat di Turki semasa zaman pemerintahan Uthmaniyyah di mana amalan wakaf tunai telah berjaya meringankan perbelanjaan kerajaan dalam menyediakan kemudahan perkhidmatan pendidikan, kesihatan, perbandaran dan sebagainya kepada masyarakat setempat.


Secara umumnya wakaf tunai ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengumpulkan dana dari kalangan umat Islam yang kemudiannya dapat dimanfaatkan bagi kepentingan pembangunan ummah. Di Malaysia, terdapat banyak badan-badan atau organisasi yang menguruskan pentadbiran wakaf termasuklah wakaf tunai antaranya Yayasan Wakaf Malaysia (YWM), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

Amalan yang dipraktikkan di Malaysia berhubung dengan wakaf tunai ialah Majlis Agama Islam menawarkan saham-saham wakaf dengan kadar nilai tertentu kepada orang ramai untuk dibeli secara tunai dan diwakafkan kepada Majlis. Majlis Agama Islam akan mengumpulkan

semua wakaf tunai dalam satu tabung bagi tujuan pembangunan harta-harta wakaf yang sedia ada (Baharuddin Sayin, 2011). Organisasi-organisasi wakaf ini menawarkan skim wakaf tunai dengan penetapan nilai minima sebagai satu langkah untuk menarik minat masyarakat untuk berwakaf. Sebagai contoh, Skim Dana Wakaf Penang dengan nilai wakaf terendah iaitu RM5, Wakaf Selangor dengan nilai RM10, Wakaf Pahang RM10, Wakaf Johor RM10, Skim Wakaf Tunai Terengganu RM 10 dan Wakaf Melaka RM10. Selain itu, komuniti Muslim juga boleh menerima Skim Wakaf Tunai Kebangsaan dengan penetapan harga minima RM10 yang ditawarkan oleh Yayasan Wakaf Malaysia dan Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia (YADIM) (Fathullah Asni, 2017).

Selain itu, Yayasan Wakaf Malaysia juga melaksanakan kaedah wakaf tunai Malaysia melalui dua kaedah, iaitu kutipan secara manual dan kutipan melalui potongan secara langsung daripada sumber pendapatan atau simpanan tunai. Gambar rajah di bawah menunjukkan cara dana wakaf tunai yang dikumpulkan dan diagihkan oleh YWM (Surita Hartini Mat Hassan, 2015).

Rajah 1: Agihan Dana Wakaf Tunai oleh Yayasan Wakaf Malaysia



Sumber: Yayasan Wakaf Malaysia, 2013

Rajah 1 mempamerkan agihan yang dibuat hasil daripada kutipan dana wakaf tunai oleh YWM. Kebiasaannya pewakif terdiri daripada individu, syarikat, kerajaan mahupun swasta yang mewakafkan sejumlah wang kepada nazir (YWM). Wang tersebut dikumpulkan dalam sebuah tabung dana wakaf tunai dan kemudiannya akan ditukarkan kepada harta tetap secara *badal* mengikut keperluan seperti pembelian tanah untuk pembinaan sekolah, masjid, hospital atas dasar untuk kebajikan masyarakat. Oleh itu, agensi YWM amat memerlukan kerjasama daripada semua pihak terutama MAIN dan JAWHAR bagi menggerakkan pembangunan sosial dan ekonomi umat Islam serta membangunkan institusi wakaf dengan lebih produktif dan berwibawa.

Kepentingan Sumbangan Wanita dalam Wakaf di Malaysia: Analisis dari Sudut Maqasid Syariah

Maqasid Syariah Dalam Pensyariaan Wakaf

Istilah maqasid merujuk kepada satu tujuan, matlamat, objektif, niat yang dituntut. Ulama' usul fiqh telah mentakrifkan bahawa Maqasid Syariah ialah makna dan tujuan yang dikehendaki syara' dalam mensyariatkan sesuatu hukum bagi kemaslahatan dan kebaikan umat manusia. *Maqasid* atau tujuan disyariatkan wakaf ialah untuk menjaga kepentingan dan keperluan manusia, selain bertujuan untuk memelihara kepentingan manusia selepas kematian mereka. Wakaf memainkan peranan dalam menjamin Dharuriyyah (keperluan asasi) yang lima tetap

terpelihara, iaitu memelihara agama, jiwa, akal, kehormatan dan harta (Mohamad Akram Laldin, Mek Wok Mahmud, Mohd.Fuad Sawari, 2012). Dalil dan bukti yang terdapat di dalam al-Quran yang menjelaskan maqsad wakaf yang sebenar ialah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ارْكَعُوا وَاسْجُدُوا وَاعْبُدُوا رَبَّكُمْ وَافْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

“Wahai orang-orang yang beriman, ruku’lah, sujudlah, sembahlah Tuhanmu dan berbuatlah kebajikan supaya kamu mendapat kemenangan”. (Q.S. Al-Hajj: 77)

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

“Dan tolong-menolong kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran (ajaran Allah)”. (Q.S. Al-Maidah: 2)

Berdasarkan ayat di atas, jelaslah menunjukkan maqsad wakaf tergolong dalam kategori melakukan kebaikan dan kebajikan tanpa mengira masa dan tempat. Kebaikan dan kebajikan yang dilakukan mestilah tidak bercanggah dengan ajaran Islam demi mencapai kepentingan dan kemaslahatan manusia sejagat. Dengan melakukan kebaikan ia juga dapat membersihkan hati dan jiwa manusia dari sifat-sifat keji dan negatif malah ia merupakan saham dan bekalan menuju akhirat yang kekal selamanya.

Prinsip yang dinyatakan dalam maqasid syariah melihat kepada matlamat seseorang individu. Individu itu mestilah memenuhi lima keperluan asas yang digariskan iaitu memelihara dan menjaga kesucian agama (حفظ الدين), menjamin keselamatan nyawa (حفظ النفس), menjamin kemuliaan akal dan fikiran (حفظ العقل), menjaga kehormatan dan maruah diri (حفظ النسب) dan menjamin kekayaan harta (حفظ المال). Kelima-lima maqasid syariah ini tergolong dalam *Dharuriyyah* iaitu keperluan asasi yang diperlukan oleh setiap individu dan masyarakat. Kehidupan seseorang tidak akan lengkap dan sempurna selagi mana lima asas ini tidak dapat dipenuhi dalam kehidupannya. Antara lima asas yang ditekankan ialah:

1. Menjaga Agama (*Hifz ad-Din*)

Prinsip maqasid syariah yang pertama ialah memelihara kesucian agama. Ia dapat memastikan setiap individu muslim berpegang teguh kepada ajaran Islam dalam setiap tindakan yang dilakukan (Rosbi Abd.Rahman, Sanep Ahmad, 2010). Untuk merealisasikan maqasid ini, Allah telah mewajibkan pelaksanaan rukun Islam yang lima (Mohd Anuar Ramli, 2016). Maka, manusia wajib berpegang teguh kepada rukun Islam untuk memastikan kesucian agama terpelihara.

Bagi mengukuhkan iman dalam diri individu yang bergelar muslim, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) telah memainkan peranannya melalui institusi wakaf untuk membina sekolah-sekolah agama, masjid-masjid dan pusat pengajian agama. Di dalam Khutbah Jumaat bertarikh 2 November 2018 yang bertajuk “Memperkasakan Wakaf Tunai”, Majlis Agama Islam Selangor melalui Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah menyediakan kemudahan untuk masyarakat Islam berwakaf dengan wang tunai. Dana wakaf yang terkumpul dari wakaf tunai ini akan disalurkan kepada pembinaan masjid, surau, sekolah, pembinaan institusi pendidikan dan berbagai jenis manfaat lagi. Buktinya, hasil sumbangan wakaf dapat membantu pembinaan 57 buah masjid, 56 buah surau serta 32 buah sekolah.

Dengan menjaga perkara yang paling utama iaitu agama, ia dapat membebaskan minda dan kepercayaan manusia daripada belenggu khurafat, tahyul, munafik dan syirik. Islam mengajak manusia beriman kepada Tuhan yang satu iaitu Allah s.w.t. dan perkara-perkara yang berkaitan dengan rukun iman serta menjauhi unsur-unsur syirik dengan menjelaskan pelbagai panduan untuk melaksanakan ketaatan kepada Allah S.W.T.

2. Menjamin Keselamatan Nyawa (*Hifz an-Nafs*)

Prinsip yang kedua ialah menjamin keselamatan nyawa. Berdasarkan prinsip ini, seseorang itu akan berusaha keras bagi memastikan mereka berupaya menjaga keselamatan diri dan keluarga (Rosbi Abd Rahman, Sanep Ahmad, 2010). Sebarang tingkahlaku yang mengganggu ketenteraman dan keharmonian akan cuba dihindari agar tidak mendatangkan bahaya kepada nyawa sendiri dan pihak lain. Antara usaha yang telah dilakukan untuk menjamin keselamatan diri dan keluarga ialah dengan pembinaan projek kediaman di Pulau Pinang. Mereka telah mendapat peruntukan yang banyak untuk melaksanakan tiga buah projek iaitu Kompleks Pendidikan Al-Mashoor di Balik Pulau, kediaman kos sederhana rendah di Sungai Nibong dan juga unit kediaman kos sederhana rendah Kg. Makam di Georgetown (Sanep Ahmad, Nur Diyana Bt Muhamed, 2011). Dengan pembinaan kediaman ini, ia dapat memberi perlindungan kepada masyarakat untuk menjalani kehidupan yang harmoni dan selamat.

Dengan pembinaan projek ini, maka ia dapat membantu dalam mencapai matlamat utamanya untuk memelihara dan memberi perlindungan kepada manusia dari sebarang ancaman yang mendatangkan bahaya kepada nyawa sendiri dan pihak lain. Hal ini dapat menjamin kesejahteraan hidup masyarakat terutama bagi generasi akan datang agar mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih aman dan harmoni.

3. Kemuliaan Akal dan Fikiran (*Hif al-Aqal*)

Prinsip ketiga ialah kemuliaan akal dan fikiran. Salah satu keistimewaan yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T. kepada manusia dan tidak dianugerahkan kepada makhlukNya yang lain ialah akal dan kekuatan fikiran (Abdul Aziz Bin Harjin, 2008). Untuk mewujudkan akal yang sihat, Islam mengharuskan setiap perkara yang menjamin keselamatan dan menyuburkannya dengan menimba ilmu pengetahuan (Mohd Anuar Ramli, 2016). Pelbagai institusi pendidikan telah ditubuhkan, antaranya ialah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (Prof Dr. Noor Inayah Yaakob, 2014). Pembentukan wakaf pendidikan sangat wajar di kalangan universiti. Hal ini kerana asas kepada pembangunan sosio-budaya ialah pembangunan pendidikan dan pelajaran (Haji Faisal Othman, 1989) serta membolehkan mereka mengawal perpaduan intelektual dan dasar melalui wakaf pendidikan di sesebuah negara (Suziana Mohamed Nor, Noor Inayah Yaakub, 2015). Berdasarkan penerangan ini jelaslah bahawa wakaf pendidikan sangat penting untuk memenuhi maqasid syariah dalam mewujudkan kemuliaan akal dan fikiran kepada manusia sejagat. Hal ini kerana Islam sangat memandang tinggi terhadap orang-orang yang kaya dengan ilmu pengetahuan. Di dalam Al-Quran ada menyebut tentang kedudukan orang yang berilmu pengetahuan:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

“Allah akan mengangkat darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu beberapa darjat” (Q.S. al-Mujadalah: 11)

Oleh itu, kewujudan institusi wakaf pendidikan sangat penting bagi mewujudkan masyarakat yang berilmu pengetahuan dalam menjamin kehidupan masyarakat yang lebih harmoni pada masa akan datang.

4. Menjaga Kehormatan Diri (*Hifz an-Nasab*)

Prinsip keempat pula ialah menjaga kehormatan diri dan maruah. Dengan menjaga batas-batas kehormatan diri, maruah dan nama baik keturunan secara tidak langsung dapat membantu membina masyarakat yang bermaruah di samping diri mereka akan lebih dihormati dan disegani (Rosbi Ab Rahman, Sanep Ahmad, 2010). Hal ini dapat dilihat melalui pengukuhan institusi kekeluargaan dengan memberikan pendidikan dan kasih sayang kepada anak-anak. Bermula dengan individu yang baik akan mencetuskan manfaat kepada masyarakat dengan sikap ingin membela kepada kaum yang lemah, sikap prihatin dan menghulurkan bantuan kepada sesama manusia, malah Islam juga menjamin kelangsungan zuriat manusia sehingga akhir zaman (Mohamad Hafifi Hassim, Azizah Bt Mat Rashid, 2017).

Antara usaha yang telah dilakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam memastikan keberlangsungan institusi kekeluargaan itu terjamin, pihak MAINPP telah membangunkan tanah seluas lima hektar yang terdiri daripada 27 unit kedai serta rumah teres dua tingkat, yang dinamakan sebagai Taman Wakaf Seetee Aishah. Ia telah dilakukan dengan kerjasama antara Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINP) selaku pemegang amanah tanah dan pemaju, UDA Holdings Berhad melalui anak syarikatnya, UDA Land (North) Sdn. Bhd. (Zainulfaqr Yaakob, 2012).

Dengan kewujudan projek wakaf seperti ini, ia bukan sahaja dapat memberi perlindungan tempat tinggal, tetapi secara tidak langsung memberi jaminan kepada masyarakat setempat untuk menjaga kehormatan maruah diri dan keluarga, yang membawa kepada pembentukan institusi kekeluargaan yang ampuh.

5. Menjamin Kekayaan Harta (*Hifz al-Mal*)

Prinsip kelima ialah menjamin kekayaan harta. Harta dalam Islam pada hakikatnya adalah milik Allah S.W.T. Manusia hanya mampu menguasai dan memiliki harta tersebut melalui izin-Nya. Dr. Abd al-Karim Zaydan mengutarakan dua aspek penting dalam membahaskan tentang pentakrifan '*mal*' iaitu 'mampu menguasainya' dan 'boleh memanfaatkannya' (Yazid Ahmad, Ibnor Azli Ibrahim, 2006). Ajaran Islam tidak menghalang umatnya mengejar kekayaan asalkan harta yang diperolehi itu adalah dari sumber yang halal (Rosbi Abd. Rahman, Sanep Ahmad, 2010). Oleh itu jelaslah bahawa memiliki dan menjaga harta itu suatu keharusan dan ia perlu dikuasai serta dimanfaatkan untuk keperluan masyarakat.

Perbincangan tentang wakaf boleh dikategorikan dalam konsep pemeliharaan al-mal atau harta yang dikira salah satu dari perkara *Dharuriyyah* (Mohamad Akram Laldin, Mek Wok Mahmud, Mohd. Fuad Sawari, 2012). Salah satu inisiatif yang telah dijalankan oleh Wakaf Selangor Muamalat ialah dengan melaksanakan kutipan wakaf tunai (*cash waqf*) melalui institusi perbankan. Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) telah ditugaskan untuk mengumpulkan dana wakaf tunai di kaunter bank, hibah daripada pemegang akaun Wadi'ah, Arahan Pembayaran Berkala (bersamaan Skim Infaq), deposit tunai melalui *Cash Deposit Machine (CDM)*, debit cash dari akaun simpanan dan akaun semasa melalui *Auto-Teller Machine (ATM)*, internet banking dan cek. Bank ini juga ditugaskan untuk mempromosikan wakaf tunai melalui media dengan kebenaran Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). Hasil daripada pengumpulan wakaf tunai ini akan disalurkan kepada

akaun PWS melalui akaun BMMB. Dengan adanya institusi yang mampu menjalankan wakaf tunai seperti BMMB ini akan menjadi satu wasilah bagi muslim untuk menjaga harta benda mereka sebagai aset simpanan dan pelaburan pada masa akan datang demi kesejahteraan diri dan keluarga bersesuaian dengan konsep maqasid menjaga harta.

Kesimpulannya, kelima-lima prinsip maqasid syariah ini perlu dipenuhi oleh setiap individu yang bergelar muslim bagi membentuk masyarakat yang berpegang teguh dengan prinsip syariat Islam demi menjamin kelancaran hidup manusia dan masyarakat setempat.

Peranan dan Sumbangan Wanita Dalam Wakaf Berdasarkan Perspektif Maqasid Syariah

Peranan dan sumbangan wanita dalam wakaf ini seharusnya dilihat dalam konteks yang lebih luas terutama di Malaysia. Sejauh mana wakaf dapat membantu masyarakat di Malaysia mencapai keperluan yang digariskan dalam maqasid syariah.

Peranan Wanita Sebagai Pengasas Wakaf (*al-Waqif*)

Pengasas wakaf ialah individu yang memberikan harta miliknya untuk diwakafkan pada jalan Allah. Sejarah Islam terdahulu telah membuktikan wanita juga memainkan peranan penting sebagai pengasas wakaf. Sebagai contoh, Hafsa (isteri Rasulullah) telah menjual perhiasan miliknya yang bernilai 20000 dirham dan mewakafkannya untuk para wanita keluarga al-Khattab (K.H Tholhah Hasan, 2012).

Di Malaysia, wanita juga sangat memainkan peranan sebagai pengasas wakaf. Buktinya dengan kewujudan tanah wakaf Seetee Aishah yang pada asalnya sebuah kawasan penanaman padi. Tanah wakaf lot 1444 (Mukim 4) ini mempunyai keluasan 9.86 ekar (39,902.04-meter kaki persegi) telah diwakafkan oleh Seetee Aishah bt. Haji Mahmood pada 30 September 1901. Pihak MAINPP telah merancang untuk membangunkan tanah tersebut dengan membuat pembinaan sebuah ladang perumahan secara komersil. Projek pembangunan ladang perumahan ini melibatkan pembinaan sebanyak 9 unit kedai tiga tingkat dan 76 unit rumah teres dua tingkat (Hydzulkifli Hashim, Asmak Ab Rahman, 2012).

Projek pembangunan seperti ini telah mendatangkan hasil yang lumayan. Hasil dan manfaat daripada sumber wakaf ini telah diperuntukkan untuk beberapa bahagian. Pertama, ia disalurkan untuk kenduri arwah dalam bulan Ramadan dan memberi pemberian sebanyak RM3 untuk jemaah yang hadir. Kedua, membekalkan satu tin minyak tanah untuk masjid di kawasan Permatang Pauh ketika bulan Ramadhan setiap tahun. Dengan adanya sumber kewangan dari wakaf tersebut, umat Islam di Pulau Pinang khususnya di Permatang Pauh dapat menjalankan ibadat solat lima waktu secara berjemaah dengan sempurna, selain dapat menjalankan khidmat kemasyarakatan dan akan melahirkan masyarakat yang melaksanakan perkara kebaikan (amar ma'ruf) dan mencegah kemungkaran (nahi mungkar) (Affwan Lokman, 2012).

Antara usaha lain yang dijalankan untuk menggalakkan wanita khususnya sebagai penggerak wakaf, contohnya, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah melancarkan aktiviti dan program bagi menyebarkan amalan wakaf di negeri Selangor, antaranya Bulan Wakaf bersama Wanita bagi mempromosikan *Gold Waqf* (wakaf emas). Ia merupakan satu mekanisme yang sangat efektif kerana kebanyakan wanita mempunyai keinginan untuk membeli emas sebagai perhiasan dan simpanan mereka untuk masa akan datang. Pada April 2013, wakaf tunai yang terkumpul dari *Gold Waqf* ini telah mencapai lebih dari RM40,000 (Farhanah Mohd Mokhtar, Emira Mad Sidin, Dzuljastri Abd.Razak, 2015). Dengan mempromosikan amalan wakaf emas

ini akan menggalakkan wanita untuk menjadi sebahagian daripada pengasas wakaf yang akhirnya dapat menyumbang kepada perkembangan institusi wakaf di Malaysia.

Peranan Wanita Sebagai Pengurus Wakaf (*Mutawalli/Nazir*)

Pengurus wakaf atau lebih dikenali sebagai *mutawalli* atau *nazir* merupakan badan atau institusi yang memegang amanah dan bertanggungjawab untuk menguruskan harta wakaf. Aktiviti-aktiviti wakaf juga giat dijalankan dan digerakkan dalam badan-badan institusi kecil bagi sesebuah organisasi yang besar sepertimana syarikat-syarikat dan universiti-universiti awam mahupun swasta. Antara badan yang aktif dalam pengurusan wakaf ialah University of Malaya Awqaf (UM AWQAF). Tokoh wanita yang bergiat aktif dalam institusi ini ialah Dr. Siti Mashitoh Mahamood yang telah dilantik sebagai Pengarah UM Awqaf.

UM Awqaf adalah satu unit di bawah tadbir urus Naib Canselor Universiti Malaya yang telah ditubuhkan pada 14 Disember 2016 dan ia mula beroperasi pada 1 Januari 2017. Tujuan utama penubuhannya adalah untuk menjana pendapatan wakaf kepada Universiti Malaya bagi kepentingan dan kesejahteraan golongan pelajar, kakitangan dan para pesakit Pusat Perubatan UM (PPUM) yang memerlukan bantuan kewangan. Dari sudut pihak pengurus, ia terdiri daripada ahli jawatankuasa pentadbiran yang diketuai oleh Dr. Siti Mashitoh Mahamood sebagai pengarah serta dianggotai oleh 11 kakitangan yang lain yang majoritinya merupakan kakitangan di universiti tersebut. UM Awqaf telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sebagai *mutawalli* untuk melaksanakan kutipan wakaf bagi menampung keperluan pelajar dan kakitangan serta infrastruktur Universiti Malaya.

Dengan terbentuknya institusi ini, ia membolehkan universiti menjana pendapatan sendiri menerusi kutipan wakaf untuk digunakan oleh pihak universiti, para pelajar, warga kakitangan dan pesakit di PPUM. Hasil dari kutipan wakaf ini, pihak tadbir akan dapat melaksanakan skop aktiviti utama yang melibatkan pembiayaan, pembangunan dan pelaburan patuh syariah. Objektif ini selari dengan maqasid syariah iaitu menjaga harta, kerana menjaga harta bukan hanya bermaksud menjaganya dari berkurangan, bahkan menjadi keperluan untuk mengembangkannya ke arah jalan kebaikan (Najah Abdul Alim, 2015). Ini kerana nilai mata wang pada hari ini tidak akan kekal dan akan sentiasa berubah mengikut peredaran waktu. Oleh itu menjadi satu keperluan untuk sesuatu harta wakaf dilaburkan di dalam pelaburan patuh syariah berdasarkan hadis:

عن عمرو بن شعيب عن أبيه عن جده أن النبي -صلى الله عليه وسلم خطب الناس، فقال: ألا من ولي يتيماً له مال فليتجر فيه ولا يتركه حتى تأكله الصدقة (رواه الترمذي، باب ما جاء في زكاة مال اليتيم، رقم 641)

“Sesiapa yang menjadi wali kepada anak yatim, hendaklah dia mengembangkannya supaya tidak habis dimakan sedekah (zakat)”. (H.R. Tirmizi, No.641)

Selain itu, dengan penubuhan institusi sebegini, ia dapat membantu para pelajar dan kakitangan serta pesakit yang memerlukan bagi mengatasi masalah peningkatan kos sara hidup mereka. Antara peranan yang dimainkan ialah membiayai aktiviti-aktiviti akademik dan pembangunan fizikal melibatkan pengajian, penyelidikan, penerbitan, perubatan dan lain-lain. Ini dapat memastikan keberlangsungan konsep ‘pendidikan seumur hidup’ (long life education) yang perlu dipegang iaitu pendirian yang mengatakan bahawa sepanjang hayat kita ini tidak akan ada had dalam pencarian ilmu. (Mohd Roslan Mohd Nor, Naeng Naimah Nik Dahalan, 2014).

Hal ini kerana menuntut ilmu merupakan satu tuntutan dan kewajipan bagi setiap individu yang bergelar muslim dan ia tidak akan pernah terhenti bermula dari buaian sehingga ke liang lahad.

Peranan Wanita Sebagai Penerima Manfaat Wakaf (*al-Mawquf 'Alaih*)

Penerima manfaat adalah orang atau pihak yang menerima manfaat dan hasil dari harta yang diwakafkan. Di Malaysia, kebanyakan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) telah menjalankan pelbagai projek wakaf untuk memberi manfaat kepada umat manusia. Antara projek wakaf yang telah dijalankan bagi memberi manfaat terutama kepada golongan wanita yang dikategorikan sebagai fakir dan miskin ialah Akademi Kulinari Terengganu.

Akademi Kulinari Terengganu ini dibangunkan di atas tanah milik Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dengan pembiayaan sebanyak RM2.5 juta melalui peruntukan Bajet 2010 Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). Ianya merupakan kolaborasi antara tiga pihak yang bertanggungjawab, iaitu MAIDAM sebagai pemilik, YWM sebagai pembiaya dan pengurus manakala GIATMARA sebagai pengajar. Akademi ini telah siap sepenuhnya pada 30 Julai 2012 dan telah mula beroperasi pada 2 September 2012. Akademi ini diuruskan oleh YWM melalui Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB) dengan kerjasama pihak GIATMARA. Antara kursus yang ditawarkan dalam akademi ini ialah bidang *Confectionary & Bakery* selama 6 bulan berserta asrama sepenuh masa kepada anak-anak asnaf MAIDAM. Kursus ini dibuka kepada anak-anak fakir dan miskin yang berumur 15 tahun ke atas.

Dengan penubuhan akademi ini, ia dapat memenuhi keperluan manusia dengan menyediakan peluang kepada golongan wanita khususnya di Terengganu untuk berkecimpung dalam dunia perniagaan. Justeru itu, ini memberikan peluang kepada para wanita untuk menjana pendapatan sendiri bagi menjalani kehidupan seharian dengan sempurna. Islam membenarkan wanita bekerja selagi mana maruah dan peranannya sebagai wanita muslimah terjaga (Asmak Husin, Nurhafilah Musa, 2014). Malah dalam firman Allah juga ada menyebut dalam ayat berikut:

الرِّجَالُ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبْنَ

“Bagi lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan dan bagi perempuan, ada bahagian dari apa yang mereka usahakan” (Q.S an-Nisaa’: 32)

Ayat tersebut menunjukkan bahawa wanita juga berhak bekerja dengan syarat dia beriltizam dengan etika muslimah dan kerjayanya tidak mengorbankan kewajipannya sebagai seorang wanita muslimah (Asmak Husin, Nurhafilah Musa, 2015). Pada hari ini, sudah tidak asing lagi sekiranya wanita terlibat dalam dunia pekerjaan bahkan menjadi satu keperluan untuk meningkatkan taraf kehidupannya ke suatu peringkat yang lebih tinggi. Wanita juga boleh terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang memenuhi keperluan hidup manusia selaku individu, keluarga, masyarakat mahupun negara (Haji Faisal Othman, 1989). Dengan adanya aktiviti sebegini, mereka juga dapat menyumbang dan mengoptimumkan bakti dan tenaga kepada masyarakat dalam pengkhususan masing-masing.

Kesimpulan

Wakaf merupakan sebuah institusi kebajikan yang disyariatkan oleh Allah untuk memelihara kepentingan dan kemaslahatan umat manusia tanpa mengira kaum dan bangsa. Wakaf juga memainkan peranan penting dalam menjamin *Dharuriyyah* yang lima untuk terus terpelihara, iaitu memelihara agama, jiwa, akal, kehormatan, dan harta. Melalui pelaksanaan wakaf ini

dapat menjamin hak yang adil dan sama rata untuk setiap bangsa dan agama seterusnya mencapai kesejahteraan syariah (umum as-Syariah) dalam kehidupan. Ini bermakna dengan pensyariaan wakaf menunjukkan hikmah bahawa maksudnya bukan hanya untuk orang Islam semata, bahkan untuk seluruh umat manusia amnya.

Justeru itu, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) perlu memainkan peranan penting untuk menjalankan pelbagai aktiviti yang dapat membuka peluang serta memberi galakan kepada wanita menyumbang dalam institusi wakaf sama ada sebagai pengasas, pengurus atau penerima manfaat wakaf. Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) juga perlu memainkan peranan dalam menerapkan nilai kesedaran dalam kalangan masyarakat khususnya wanita untuk menggalakkan mereka berwakaf, demi memastikan keberlangsungan hidup serta pembangunan negara yang harmoni dan sejahtera.

Kaum wanita sememangnya berpotensi menjadi agen perubahan masyarakat oleh kerana mereka telah banyak memberi sumbangan kepada pembentukan ummah dan pembangunan negara. Peranan wanita sebagai pengasas wakaf perlu diperkasakan dengan memberi kesedaran tentang kepentingan wakaf tunai dan wakaf emas di Malaysia. Hal ini kerana sekiranya dua medium wakaf ini mendapat sokongan dan sambutan yang baik dalam kalangan wanita, sumbangan dan dana yang terhasil darinya dapat digunakan untuk memperkasakan institusi wakaf pendidikan di Malaysia merentasi semua peringkat pendidikan termasuk prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, bahkan dalam Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS). Kesannya, ia dapat mengurangkan kadar buta huruf di negara kita serta meningkatkan taraf pendidikan ke tahap yang lebih tinggi sejajar dengan Pelan Transformasi ICT yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bermula tahun 2019 sehingga 2023. Dengan berkembangnya institusi pendidikan, kita dapat melahirkan lebih ramai generasi ilmuwan yang berilmu pengetahuan tinggi serta mampu membimbing dan mendidik masyarakat serta membawa nama Malaysia ke santero dunia.

Rujukan

- Abdul Halim R. & Ahmad Che Yaacob. (2005). Islam Hadhari: Pengukuhan Institusi Baitul Mal Dan Wakaf Di Malaysia. UiTM Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti.
- Al Humaidan, Iman Mohammad. (2007). Women and Waqf. Kuwait: Awqaf Public Foundation, Department of Studies and External Relations.
- Asmak A.R. (2009). Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya Di Malaysia. Jurnal Syariah. 17(1), 113-152. ejum.fsktm.um.edu.my/article/902.pdf
- Baharuddin Sayin, Asmak Hj.Ali, S.Salahudin Suyurno. (2006). Pengenalan Pengurusan Wakaf Di Malaysia. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara (UiTM).
- Baharuddin Sayin. (2011). Isu-Isu Semasa Mengenai Wakaf. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara (UiTM).
- Faisal Othman. (1989). Peranan Wanita Islam Dalam Pembangunan Malaysia. Kuala Lumpur, Malaysia: Institut Kajian Dasar.
- Farhanah, M.M & Emira, M.S & Dzuljastri, A.R. (2015). Operation Cash Waqf In Malaysia and Its Limitations. Journal of Islamic Economics, Banking and Finance. 11(4). ibtra.com/pdf/journal/v11_n4_article8.pdf
- Mek Wok Mahmud & Amilah Awang, A.R. & Asmak, H. (2014). Ilmuwan Wanita Islam Globalisasi Hak Wanita. Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia

- Mohamad Akram Laldin, Mek Wok Mahmud, Fuad Sawari. (2012). Maqasid al-Shariah Dalam Pelaksanaan Wakaf. Jurnal Pengurusan JAWHAR 2(2), 1-25. IIUM Press, Kuala Lumpur.
- Mohd Afandi M.R, Baharuddin Sayin, Ahmad Zaki A.L, Amal Hayati Ishak, Razali Othman. Transformasi Wakaf Di Malaysia Isu Dan Cabaran. Institut Kajian Zakat Malaysia, Universiti Teknologi Mara (UiTM).
- Mohd Anuar Ramli. (2016). Objektif Syariah (Maqasid al-Syariah): Konsep Dan Kedudukannya Sebagai Teori Seismograf Hukum Islam. https://www.academia.edu/4354113/Objektif_Syariah_Maqasid_al-Syariah_Konsep_Dan_Kedudukannya_Sebagai_Teori_Seismograf_Hukum_Islam
- Muhammad Husni, Mohd Zaidi, Mohammad Taqiuddin. (2015). Peranan Wakaf Dalam Mengukuhkan Ekonomi Islam Di Malaysia. Prosiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis) 2015, ISBN: 978-967-13426-1-9
- Nadiah Zulkiflee, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad. (2015). Kesedaran Terhadap Wakaf Tunai: Kajian Di Besut, Terengganu. Prosiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis) 2015, ISBN: 978-967-13426-1-9
- Nik Mustapha, N.H. (1999). Konsep dan Pelaksanaan Wakaf Di Malaysia. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur.
- Noor Inayah Yaakob. (2014, Jun 13). Mencorakkan Kejayaan Wakaf Pendidikan. http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140613/re_03/Mencorakkan-kejayaan-wakaf-pendidikan#ixzz5ahlH8ppg
- Norizah, M & Asmak, A.R. (2015). Wakaf Penjagaan Kesihatan, Kajian Kes Hospital Wakaf An-Nur. Jurnal Syariah, 23(3), 401-434. https://www.academia.edu/23641302/WAKAF_PENJAGAAN_KESIHATAN_KAJIAN_KES_DI_HOSPITAL_WAQAF_AN-NUR
- Rosbi A.R. & Sanep Ahmad. (2010). Pengukuran Keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif Maqasid al-Syariah. Proceedings of Seventh International Conference, The Tawhidi Epistemology, Zakat and Waqf Economy, Bangi. 447-460. www.ukm.my/hadhari/wp-content/uploads/2014/09/proceedings-seminar-waqf-tawhidi.pdf
- Sanep Ahmad & Nur Diyana M. (2011). Institusi Wakaf dan Pembangunan Ekonomi Negara: Kes Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia. Prosiding PERKEM VI, Jil.1, 138-147. www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVI/PERKEM2011-1-1B5.pdf
- Surita Hartini, M.H. (2015). Potensi Dinar Emas Dalam Wakaf Tunai. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Suziana Mohamed Noor & Noor Inayah Yaakub. (2015). Transformation of The Role of Waqf in Malaysia. United States of America: American Scientific Publishers
- Tawfique, Al-Mubarak. (2016). The Maqasid of Zakah and Awqaf and Their Roles of Inclusive Finance. Islam and Civilisational Renewal. 218-230. https://www.researchgate.net/publication/306034399_The_Maqasid_of_Zakah_and_Awqaf_and_Their_Roles_in_Inclusive_Finance/download